

15/02/2002

Kamaruddin tiup semangat ekuin muda

Mohd Ali Majid

KEJAYAAN Datuk Kamaruddin Abdul Ghani dipilih Penunggang Terbaik Dunia oleh Persekutuan Equestrian Antarabangsa (FEI) baru-baru ini turut membakar semangat rakan sepasukannya dalam skuad Sukan Sea XXI Kuala Lumpur, September lalu, Dr Nik Isahak Wan Abdullah.

Lebih-lebih lagi dengan galakan pelbagai pihak, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali supaya mempertahankan gelaran ini, membuatnya terpenggil kembali aktif dalam sukan menunggang lasak itu.

Selain itu, dia mahu membantu pasukan ekuin menunggang lasak negara turut mencipta nama di pentas dunia pada masa akan datang.

"Kejayaan yang dicapai Datuk Kamaruddin cukup membanggakan dan ini membuatkan saya terpenggil kembali bergiat cergas dalam sukan ini," kata Dr Nik Isahak yang ditemui pada majlis meraikan kejayaan rakannya itu di Kelab Equestrian & Sports Centre Selangor di Sungei Besi baru-baru ini.

Katanya, dalam umurnya 57 tahun sekarang, belum terlewat baginya untuk menabur bakti kepada negara dalam bidang sukan berkuda yang diminatinya sejak kecil lagi.

Sehubungan itu, katanya dia mengatur strategi dan memulakan kempen dengan menjalani latihan setiap hari untuk menyertai pelbagai kejohanan jalan lasak yang diadakan di dalam dan di luar negara terutama di Eropah.

Antara kejohanan di Eropah yang akan disertai ialah di Huelgoat dan Albi, Perancis dan seterusnya di Sepanyol, Australia dan Belanda.

"Matlamat terakhir saya ialah menyertai Kejohanan Dunia di Jerez, Sepanyol pada September bersama dengan Datuk Kamaruddin dan pasukan negara," katanya.

Selain menyertai Kejohanan Dunia, dia juga berharap dapat menyertai Sukan Olimpik Athens 2004 dan seterusnya Sukan Asia Qatar 2006.

Dr Nik Isahak memberitahu dia memulakan kempen dengan menyertai kejohanan di Eropah kerana tidak ada kejohanan di peringkat kawasan dalam waktu terdekat.

"Sukan Asia Busan September ini dan Sukan Sea Vietnam 2003 tidak menyenaraikan acara menunggang lasak," katanya yang mahu mempertahankan pingat perak yang dimenangi di Sukan Sea XXI.

Bagaimanapun, katanya, hasratnya untuk menyertai semua kejohanan ini bergantung kepada bantuan dan sokongan dari semua pihak terutama badan-badan korporat.

"Tanpa sokongan mereka sukar untuk mencapai matlamat ini," katanya yang kini bertugas sebagai pakar kardiologi di Subang Jaya Medical Centre Sdn Bhd.

Katanya, untuk menyertai kejohanan yang diadakan sepanjang musim 2002 hingga 2004, dia memerlukan perbelanjaan keseluruhan dianggarkan RM1.2 juta.

"Itulah harga yang perlu dibayar untuk bersaing di peringkat dunia," katanya.

Katanya, dia yakin dengan bantuan semua pihak dan pengalaman bersama Datuk Kamaruddin bersaing di peringkat dunia seperti di Dubai pada 1999, Canberra 2000 dan Sukan Sea 2001 dia yakin mampu melakukannya.

Dia juga mengharapkan pihak-pihak tertentu tidak keberatan memberi bantuan dan sumbangan untuk mencapai matlamat ini dan kepada mereka, dia mengucapkan terima kasih.

"Setiap sumbangan yang diberikan disimpan dalam tabung khas dan

digunakan dengan setelusnya," katanya.
(END)